

KEJOHANAN BOLASEPAK ANTARA SKN/CWG PANGKALAN UDARA KUCHING 2018

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3196-kejohanan-bolasepak-antara-skn-cwg-pangkalan-udara-kuching-2018

KUCHING, 15 Mac 18 – Perlawanan akhir Kejohanan Bolasepak antara Skn/Cawang PU Kuching telah diadakan di padang bolasepak pangkalan di antara Caw Materiel dan No 7 Skn, perlawanan tersebut telah dimenangi oleh No 7 Skn dengan jaringan penalti 4-3, setelah perlawanan seri tanpa jaringan. Ini merupakan detik yang manis bagi skuad bimbingan Mej Shahrizan TUDM setelah dikecewakan pada perlawanan akhir tahun lepas. Sebelum itu berlangsung perlawanan penentuan tempat ketiga dan keempat yang telah dimenangi oleh Caw Kejuruteraan dengan mengalahkan Skn 330 dengan jaringan gol 2-1.

Komander Pangkalan, Kol Yee Yit Hong TUDM telah menyampaikan piala pusingan kepada pasukan No 7 Skn dan hadiah kepada pemenang-pemenang yang lain pada tahun ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada warga PU Kuching kerana kerjasama serta semangat kesukuan untuk menjayakan kejohanan tersebut pada kali ini. Selain itu objektif utama penganjuran kejohanan ini adalah untuk memilih pemain-pemain yang berpotensi bagi mewakili PU Kuching di pertandingan antara pangkalan akan datang. Beliau berharap PU Kuching ada mendapat keputusan yang baik di kejohanan tersebut kelak.

